



▶ LAMAN UTAMA

CARI

26 September 2008 / 26 Ramadan 1429

KUMPULAN UTUSAN BERITA

HUBUNGI KAMI

JOM IKLAN!

ARKIB

BERITA

REKREASI

- Berita Utama
- Dalam Negeri
- Wilayah
- Parlimen
- Politik
- Luar Negara
- Sukan
- Bisnes
- Laporan Saham
- Mahkamah
- Jenayah
- Rencana
- Bicara Agama
- Forum

GAYA HIDUP

- Hiburan
- Keluarga
- Feminin
- Rancangan TV
- Pendidikan
- Sains & Teknologi
- Agrobiz
- Kesihatan
- Sigap
- Polis & Tentera
- Sastera

CAPAIAN LAIN

- Portal Pendidikan
- Kosmo! Online
- Mangga Online
- Mangga TV
- MyBooks
- Kareer
- Utusan Karya
- Saji

LAMAN KHAS



KOMUNITI



ARKIB : 20/09/2008

Selam Skuba Discovery - pengalaman pertama di bawah air

Oleh ABD. HALIM HADI
rekreasi@utusan.com.my

SEBUT sahaja selam skuba, pasti ramai yang menganggap impian untuk menceburi riadah itu masih jauh kerana dikategorikan antara sukan eksklusif dan berbelanja besar.

Hakikat itu memang tidak dinafikan kerana kos mendapatkan lesen selam skuba permulaan sahaja pada masa kini memerlukan sekurang-kurangnya RM1,500.

Malah jumlah itu juga mungkin tidak termasuk bayaran penginapan dan pengangkutan ke lokasi-lokasi menyelam yang ditentukan oleh pusat latihan selam skuba.

Hal itu menjadikan ramai yang 'segan' dan terpaksa menanggungkan harapan untuk menceburi aktiviti itu padahal harga lesen selam skuba meningkat dari semasa ke semasa.

Sebahagian pula tidak sanggup untuk melaburkan wang sebanyak itu semata-mata demi aktiviti yang masih belum diketahui keistimewaan, risiko dan cabaran yang mungkin dihadapi mereka.

Ketika mengajak salah seorang rakan untuk mengikuti kursus selam asas laut terbuka (Open Water), jawapan yang diterima turut mengutarakan masalah yang sama.

"Apa akan jadi jika kita tidak lulus atau sukar mengikuti setiap peraturan dan syarat yang ditetapkan.

"Lagipun kenapa perlu bayar terlalu mahal, belum tentu ia memberikan pengalaman yang seronok sepanjang aktiviti itu," hujah seorang rakan kepada penulis.

Itu adalah antara rungutan yang sering timbul selain kerumitan seperti lokasi yang jauh dan tempoh masa yang terlalu lama untuk mendapatkan sijil sebagai penyelam bertauliah.

Uji keyakinan diri

Tetapi tahukah anda kebanyakan pusat-pusat latihan selam skuba menyediakan pakej selaman percubaan pada harga kurang dari RM100.

Dinamakan Selam Skuba Discovery (DSD), kursus pendek selama dua jam itu memberi peluang kepada mereka yang ingin mencuba pengalaman atau menguji keyakinan berada di bawah air tanpa perlu melabur beribu-ribu ringgit terlebih dahulu.

Dilengkapi peralatan selam skuba sebenar, pelatih kursus yang berada di bawah jagaan jurulatih berpeluang turun dan mencuba 'pernafasan pertama' mereka di alam skuba.

Dolphin Sport Adventure merupakan salah sebuah pusat yang kini berpengalaman hampir 10 tahun mengendalikan kursus itu di kolam renang Kompleks Sukan Panasonic, Seksyen 21, Shah Alam.

Pengurus Besarnya, Boon Leong Lee berkata, DSD disediakan mengikut prosedur dan pengiktirafan daripada persatuan jurulatih skuba antarabangsa kepada bakal penyelam.

Sesi kursus bermula dengan kelas teori asas-asas selaman, cara penggunaan peralatan dan perkara yang harus dipraktik dan dielak semasa berada di dalam air.

Ujar Lee, semua yang diajar kepada pelatih sepanjang kursus itu adalah ringkasan asas selam skuba yang cukup mudah untuk difahami dan diikuti.

"Pelatih akan diajar cara-cara pemakaian jaket selam atau Buoyancy Control Device (BCD), tangki udara, topeng, sirip selaman serta pemberat pinggang.

"Selepas itu mereka dibawa ke kolam renang untuk menyesuaikan diri sebelum dibenarkan melakukan selaman," katanya.

Katanya, kelebihan belajar secara berkumpulan di dalam kolam renang yang cetek juga lebih memudahkan dan dapat mengurangkan rasa panik ketika berada di dalam air.

Ketika di dalam kolam, pelatih diajar cara menggunakan hos pengembang BCD dan sirip kaki bagi membolehkan mereka mengimbangi badan dan bergerak dengan lebih lancar.

Selain itu, beberapa ujian turut disediakan iaitu cara membersihkan topeng muka ketika berada di



RISIKO kemalangan boleh dielak melalui penggunaan peralatan secara betul dan selamat.



MENARIK



- Mencari Sharlinie**
- Download poster Mencari Sharlinie.
 - Ikuti perkembangan terkini pencarian Sharlinie
 - Download fotofit suspek.

- Geng@Utusan – Hantar gambar anda dan jom sertai teman-teman di Geng Online



IKLAN@UTUSAN



IKLAN Teks

- Cyber Slim Center - 10kg dalam 30 hari >> Langsingkan badan secara selamat, semula jadi
- SmartStudy - Kursus Motivasi & Teknik Belajar Bersama Osman Afan
- Promosi ! 3GB hosting hanya RM80 setahun Syarikat Hosting 5 Teratas, Pendaftaran dibuka 24/7





bawah air, menghilangkan air daripada rongga mulut serta mengesan semula kepala regulator yang terlepas.

Lee berkata, DSD boleh dikira sebagai 'mata pelajaran pengenalan' kepada sukatan pelajaran yang akan dilalui oleh pelatih semasa mengikuti kursus Open Water untuk mendapatkan lesen yang diiktiraf.

"Bagi yang ingin untuk mengetahui pengalaman selam skuba saya syorkan mereka mencuba kursus ini terlebih dahulu.

"Jika berminat, mereka boleh terus menyambung kursus ke peringkat Open Water atau lebih tinggi," ujarnya.

Di kalangan kanak-kanak dan wanita, DSD diakui banyak membantu golongan berkenaan mengatasi fobia mereka sehingga berjaya menceburi sukan itu.

Katanya, peserta tidak perlu risau mengenai keselamatan sepanjang mengikuti kursus kerana pergerakan mereka turut dipantau oleh beberapa orang lagi pembantu kursus.

"Malah mereka yang tidak tahu berenang juga dibenarkan mengambil kursus ini," ujarnya.

Lee berkata, kebanyakan peserta kursus yang mendaftar dengan syarikatnya terdiri daripada pelajar-pelajar kelas renang dan penuntut institusi pengajian tinggi tempatan.

"Selepas mengikuti kursus ini boleh dikatakan 90 peratus peserta akan menyambung kursus ke peringkat Open Water dan mendapat lesen selam skuba mereka," katanya.

Sementara itu, Pengurus Kompleks Sukan Panasonic, T. Kanniappan berkata, kebersihan kolam renang berkenaan turut dititikberatkan melalui pembersihan berjadual untuk menjaga kesihatan pengguna.

"Selain kolam, kompleks ini juga menyediakan pelbagai kemudahan sukan yang dibuka kepada orang awam," ujarnya.

Maklumat lanjut mengenai pakej DSD berharga RM80 itu atau lain-lain kursus yang ditawarkan boleh diperolehi melalui laman web www.dolphinsportadventure.com atau menghubungi talian 03-56301615.

TAJUK-TAJUK BERITA LAIN:

- Selam Skuba Discovery - *pengalaman pertama di bawah air*
- Tukun tiruan Panasonic 'tuai hasil'
- Kembara alam bina keyakinan
- Sunrise Coleman produk rekreasi pada harga menarik
- Lampu basikal Cateye untuk suluhan lebih terang
- Individu-individu di sebalik kejayaan ekspedisi PAT
- Sukan lumba kembara tagih pengiktirafan IPT
- Zakaria idam gelaran juara dunia
- Pemandu teksi KL ubahlah perangai
- Terra beg kembara ringkas

IKLAN@UTUSAN

on mobile?

www.ads.my